

# Zoo Negara galakkan program ilmiah

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Zoo Negara mengalu-alukan semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara untuk bersama-sama mengadakan program ilmiah.

Program berbentuk ilmiah seperti menjalankan kajian berhubung kehidupan, memelihara dan mengenali cara hidup pelbagai spesies haiwan di zoo tersebut akan memberikan pengalaman yang berguna kepada golongan pelajar.

Pengarahnya, Dr. Mohamad Ngah berkata, aktiviti sedemikian bukan sahaja dapat mendekatkan pelajar dengan haiwan malah merupakan satu pilihan bijak bagi mereka mencurahkan rasa kasih dan sayang kepada haiwan-haiwan berkenaan.

"Ia juga menggalakkan interaksi yang lebih mesra dan dekat antara pelajar dengan alam semula jadi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas me-

nerima sumbangan cek berjumlah RM2,000 daripada Tindakan Belia Dedikasi (YODA) di Pusat Ape, Zoo Negara di sini.

Turut hadir ialah sembilan ahli YODA yang terdiri daripada kanak-kanak berusia antara lapan hingga 16 tahun bersama-sama ibu bapa masing-masing.

Sumbangan tersebut akan digunakan sepenuhnya bagi menjaga kebajikan 'Chokey', seekor orang utan yang berusia enam tahun.

Presiden YODA, Wong Jian Eu berkata, pihaknya memilih orang utan kerana haiwan tersebut kini semakin pupus.

"Jumlah orang utan di Malaysia kini semakin membimbangkan dan kami berharap dengan sumbangan ini akan membantu pihak zoo untuk menjaga haiwan ini sempurna mungkin bagi menambah semula bilangan haiwan berkenaan," katanya.